




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 293 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 26,912 kes. Hari ini dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu kedua-dua kes di Daerah Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 1,934 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif 21,655 orang. Sejumlah 2,064 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 635 orang di hospital dan 1,429 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 65 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini, Kalabakan disenaraikan sebagai sebuah daerah dan dimasukkan dalam senarai zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Daerah Lahad Datu iaitu Kluster D'Bajau mencatatkan sebanyak 56 kes hasil saringan komuniti di Kg Dasar Baru dan Kg Desa Bajau.
- 5 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,007 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,577 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,584 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.35%.

**B. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PENGARABAN, KG TG KAPOR DAN KG LANDUNG AYANG, KUDAT**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Kg Pengaraban, Kg Tg Kapor dan Kg Landung Ayang, Kudat bermula 31 Oktober 2020 sehingga 13 November 2020 yang kemudian dilanjutkan sehingga 26 November 2020.
- 2 KKM telah melaksanakan sebanyak 3,084 ujian saringan dan sebanyak 345 kes kumulatif positif COVID-19 telah direkodkan di ketiga-tiga lokaliti. Berdasarkan penilaian risiko dan saringan yang telah dilaksanakan oleh KKM mendapati kes positif COVID-19 di kawasan ini telah menurun dan terkawal.
- 3 Sehubungan itu, atas nasihat KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju agar pelaksanaan PKPD di Kg Pengaraban, Kg Tg Kapor dan Kg Landung Ayang, Kudat ditamatkan pada 26 November 2020 seperti yang dijadualkan.
- 4 Walau bagaimanapun, lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuat kuasa.

**C. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN TELIPOK RIA, TUARAN**

- 1 Sidang Khas MKN hari ini mendengar pembentangan daripada MKN Sabah mengenai peningkatan kes positif COVID-19 di Taman Telipok Ria, Tuaran.
- 2 Sehingga 22 November 2020, KKM telah melaksanakan sebanyak 2,609 saringan dan telah merekodkan sebanyak 253 kes positif COVID-19. Sehingga kini, masih terdapat 581 sampel saringan yang menunggu keputusan.

- 3 Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan KKM, sidang khas MKN hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Telipok Ria, Tuaran bermula 27 November 2020 sehingga 10 Disember 2020.
- 5 Pelaksanaan PKPD ini melibatkan keluasan kawasan 229,459 meter persegi, 3,400 unit rumah dan 18,000 orang penduduk.

#### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **230,377** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 74 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 48,542 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 140 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dilakukan namun 19 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 89 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 35 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 28 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 12 premis di tujuh (7) buah daerah iaitu Kota Belud, Beluran, Tawau, Semporna, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kinabatangan.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 86 lokasi di 15 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Bajau, Bahasa Mandarin dan Bahasa Dusun.

#### **F. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 241 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 45 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19. Manakala 25 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran dan baki 171 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

## **G. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.88%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kota Kinabalu	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Tuaran	97%
14	Keningau	97%
15	Tenom	97%
16	Tawau	97%
17	Lahad Datu	97%
18	Ranau	96%
19	Semporna	95%

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuat kuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sehari-hari.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
25 November 2020